

PENYELAMATAN – APAKAH KEBENARANYA?

Bagi mereka yang akan binasa, berita tentang salib dianggap suatu kebodohan. Namun demikian, bagi kita yang diselamatkan Allah, berita itu menunjukkan kekuasaan-Nya. (1 Korintus 1:18)

PENGENALAN

Isu penyelamatan adalah ajaran paling penting yang membezakan kepercayaan Kristian daripada agama-agama lain. Tidak semua jalan menuju kepada Tuhan yang sama, seperti yang dipercayai oleh ramai. Jadi, bukan semua cara atau jalan yang menjanjikan penyelamatan akan membawa kita kepada penyelamatan. Jalan kehidupan adalah berdasarkan sepenuhnya pada dasar-dasar yang ditetapkan oleh Allah; manakala dasar-dasar lain yang diingini manusia adalah jalan kecelakaan, kerana semua jalan, selain daripada jalan Allah menuju kepada nasib atau pengakhiran yang sama. Jadi, pilihan yang tersedia kepada manusia adalah antara satu-satunya jalan yang betul dengan jalan-jalan lain yang salah; satu-satunya jalan yang benar dengan jalan-jalan lain yang palsu. Hal ini jelas dinyatakan dalam Matius 7:13-14:

¹³"Masuklah melalui **pintu yang sempit**, kerana pintu gerbang dan jalan menuju kebinasaan itu lebar dan luas, maka ramai orang yang memilihnya. ¹⁴Sebaliknya, pintu dan jalan ke hidup kekal itu sempit dan sukar. Hanya segelintir orang yang menjumpainya."

Jalan ke syurga (kehidupan kekal) tidak bergantung pada usaha dan pencapaian manusia. Manusia tidak dapat mendekati Allah dengan apa jua cara yang dirancang manusia selain daripada satu-satunya jalan yang ditetapkan dan diberikan oleh Yahweh¹, iaitu beriman dalam Kristus, dan percaya bahawa Kristus telah mati untuk menebus dosa kita dan telah dibangkitkan.

Yohanes 3:16-17

¹⁶Allah begitu mengasihi dunia sehingga menganugerahkan Anak-Nya yang tunggal supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa melainkan mendapat hidup kekal.

Yohanes 14:6

⁶Yesus menjawab, "Akulah jalan, kebenaran dan hidup. Tiada seorang pun datang kepada Bapa kecuali melalui-Ku.

Begitu juga, Islam mendakwa bahawa Islam adalah satu-satunya jalan yang benar:

Q 3:85. "Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi."

Q 3:131. Dan peliharalah diri kamu dari api neraka, yang disediakan bagi orang-orang kafir.

Manakah jalan yang benar? Agama Kristian atau Islam? Ramai yang akan memilih pintu gerbang lebar yang menuju ke kebinasaan. Jadi, sesuatu kebenaran tidak semestinya diikuti dengan kewujudan sebilangan besar orang yang mempercayainya, tetapi kebenaran itu

¹ Untuk membezakan Allah dalam Al-Kitab dengan Allah dalam Al-Quran, nama peribadi Tuhan kepada Ibrahim, Ishak dan Yakub (bukan kepada Ismail) ialah Yahweh. Hal ini diwahyukan kepada Musa dalam Alkitab Keluaran 3:14. Dalam kebanyakan versi terjemahan Alkitab, Yahweh diterjemah dengan perkataan "Tuhan" / "LORD" (Semua huruf besar).

bergantung pada apa-apa saja dasar yang Yahweh tetapkan supaya **setiap** manusia dapat mendekati-Nya.

Apakah kita memerlukan seorang Penyelamat?

Adam adalah **wakil kepada semua manusia**. Apabila Adam melakukan dosa, semua manusia telah mewarisi sumpahan dan kutukan dosa tersebut, iaitu perpisahan daripada Allah, kecelakaan dan juga kematian.² ***“Kerana sebagaimana melalui pelanggaran oleh seorang manusia, ramai telah menjadi orang berdosa, maka melalui ketaatan seorang Manusia, ramai akan diperbenar” (Roma 5:19)***. Dalam keadaan kerosakan akhlak (akibat dosa), manusia tidak dapat mengenal Allah yang benar dan berdamai dengan-Nya. Namun Allah telah menunjukkan kasih-Nya terhadap manusia melalui perjanjian sepihak yang dibuat oleh-Nya untuk menebuskan manusia daripada dosa-dosa mereka, dengan korban penebusan yang dibuat oleh Yesus Kristus, Penyelamat kita menurut tuntutan hukum-hukum Allah yang menyatakan bahawa pengampunan dosa harus dilakukan melalui tumpahan darah.

Imamat 17:11 *Nyawa sesuatu makhluk itu ada dalam darahnya, dan Aku telah menentukan agar darah itu dicurahkan bagimu di atas mazbah untuk pendamaian demi nyawamu, kerana darah yang merupakan nyawa, memungkinkan terjadinya pendamaian.*

Roma 5:8-11

8 Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya sendiri terhadap kita dengan demikian: Ketika kita masih berdosa, Kristus telah mati untuk kita. 9 Oleh sebab sekarang kita telah diperbenar dengan darah-Nya, lebih-lebih lagilah kita akan diselamatkan daripada kemurkaan Allah melalui-Nya. 10 Kerana jika semasa kita seteru Allah, kita telah didamaikan dengan-Nya melalui kematian Anak-Nya, lebih-lebih lagilah, setelah didamaikan, kita akan diselamatkan melalui kehidupan-Nya! 11 Bukan ini sahaja, tetapi kita juga bersukacita dalam Allah melalui Tuhan kita Yesus Kristus yang melalui-Nya kita telah menerima pendamaian.

*****Dalam Islam, apabila Adam melakukan dosa³, Adam **sendirilah** yang bertanggungjawab terhadap dosa tersebut. Allah (dalam Islam) juga telah mengampunkan dosa Adam dan dosa Adam tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada manusia. Jadi, manusia secara asasnya berakhlak baik dan semua manusia dilahirkan sebagai muslim. Sesetengah manusia akan menjadi kafir kerana mereka diperdaya oleh ajaran-ajaran palsu seperti ajaran Kristian. Namun begitu, Islam tidak menjelaskan sebab terjadinya Adam dihalau keluar daripada Taman Eden (yang terletak di syurga) ke muka bumi ini kalau dosanya tidak ada apa-apa kesan kepada manusia. Hal ini telah menjadi percanggahan. **Dosa mungkin boleh diampunkan tetapi pelaku dosa masih perlu menghadap hukuman dosa.**

Perkara ini adalah sangat penting bagi kita supaya kita memahami bahawa apabila manusia berdosa, manusia berdosa terhadap Allah dan Allah adalah pihak yang

² Roma 5:18-19; 1 Korintus 15:22

³ Dalam Islam, Adam tidak membawa dosa ke dalam dunia tetapi Allah yang mentakdirkan Adam untuk berdosa 40 tahun sebelum Allah menciptakan Adam (Bukhari, jilid 8, Hadis nombor 611; rujuk Surah 9:51)

tersinggung. Pihak yang tersinggunglah yang mempunyai hak untuk memberi ampun berdasarkan atas cara yang ditetapkan pihak tersebut. Manusia sebagai pelaku dosa tidak berhak untuk menentukan cara-cara mendapatkan ampunan dosa.

Dalam agama Kristian, penyelamatan boleh diterima oleh manusia melalui pertaubatan dan iman dalam Yesus Kristus Al-masih dan Penyelamat:

Efesus 2:8-9

8 Kamu telah diselamatkan dengan kasih kurnia-Nya melalui iman – ini bukan daripada kamu sendiri tetapi adalah kurnia Allah – 9 bukan kerana usaha amalmu supaya tiada seorang pun yang dapat bermegah.

Dalam Islam, penyelamatan adalah melalui pengisytiharan iman (syahadah)⁴ dan juga amalan baik seseorang. Penyelamat tidak diperlukan.

1. Amalan baik termasuk mematuhi perintah Allah dan juga Muhammad Rasullullah.

Q 33:70-71 “Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.”

Q 49:14 “... Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Jadi, Muhammad dianggap sama dengan Allah dari segi penyerahan dan juga ketaatan.

2. Kelayakan untuk ke syurga adalah bergantung lebih pada amalan baik berbanding dengan dosa.

Q 2:82 “Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya.”

Q 23:102-103 “Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, maka mereka itulah orang-orang yang berjaya. Dan sesiapa yang ringan timbangan amal baiknya, maka merekalah orang-orang yang merugikan dirinya sendiri; mereka kekal di dalam neraka Jahannam,”

3. Walaupun amalan baik kamu melebihi dosa, ia masih bergantung kepada budi bicara dan juga belas kasihan Allah⁵. Hal ini bermaksud bahawa **Allah tidak mengampunkan dosa** kalau dosa-dosa masih diambil kira pada hari penghakiman (waktu kiamat).

4. Terdapat dua malaikat yang akan duduk di bahu kiri dan kanan kamu untuk mencatatkan amalan baik dan juga dosa kamu.

Q 82:10-12 “Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala bawaan kamu, (Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi

⁴ Syahadah adalah pengisytiharan iman muslim: “Tiada Tuhan Melainkan Allah; Muhammad Itu Pesuruh Allah.”

⁵ Q 5:40-41

Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu); **Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan.**”

Q 50:17-18 “Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).”

Adakah seorang muslim dihantar ke Jannah (syurga) atau jahanam (neraka) adalah bergantung pada sama ada amalan baik itu melebihi dosa. Walau bagaimanapun, ia masih dimuktamadkan atas belas kasihan Allah terhadap umatnya. Sekali lagi, kenapa harus malaikat itu mencatat dosa seseorang itu kalau Allah sudah mengampuninya? Adakah Allah mengampunkan dosa?

5. Amalan baik lain termasuk:

- Dikisahkan bahawa Ibnu Umar menuturkan, saya pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda tentang Hajar Aswad dan Rukun Yamani, “*Sesungguhnya mengusap keduanya (Hajar Aswad dan Rukun Yamani) akan menghapuskan dosa-dosa.*”⁶
- Sunah menyatakan bahawa ganjaran pahala bagi orang yang menghafal Asmaul Husna (nama-nama Allah) ialah kemasukan ke syurga. Al-Bukhari (2736) dan Muslim (2677) diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: “*Sesungguhnya Allah memiliki 99 nama, seratus kurang satu, siapa yang menjaganya maka dia masuk syurga.*”
- Mereka yang mati syahid akan memasuki syurga tanpa dihukum: Alquran menyatakan bahawa *jihad* menerima pahala tertinggi dan jihad adalah cara yang paling terjamin ke syurga kalau “pejuang” itu mati syahid: “*Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur Syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki (Q 3:169).*” “*... Dan sesiapa yang berperang pada jalan Allah lalu ia mati (gugur Syahid) atau beroleh kemenangan, maka Kami akan memberi kepadanya pahala yang besar (Q 4:74).*”

Bagi mereka yang mempercayai bahawa mereka boleh memperoleh penyelamatan melalui amalan mereka yang termasuk pematuhan ketat terhadap ritual, tradisi dan hukum-hukum agama, alkitab memberi amaran kepada kita bahawa “*Setiap orang yang bergantung kepada usahanya sendiri mengerjakan hukum Taurat adalah terlaknat, ... Jelaslah bahawa tiada siapa pun diperbenar di mata Allah dengan mengerjakan hukum Taurat, ...*” (Galatia 3:10-11). Mereka yang mendapati diri mereka wajib mencuba untuk memperoleh kasih kurnia Allah melalui ketaatan akan mengerat dirinya dari harapan diselamatkan. Kita diselamatkan bukan dengan usaha sendiri, tetapi dengan kasih kurnia Allah dan juga kerja yang telah dilakukan oleh Yesus Kristus.

Nabi Muhammad SAW sendiri tidak pasti dengan penyelamatan diri sendiri.

⁶ Dirwayatkan oleh al-Tirmizi, 959. Hadis ini dikelaskan sebagai hasan oleh al-Tirmizi dan sahih oleh al-Hakim (1/664). Adz-Dzahabi bersetuju dengan dia.

Nabi Muhammad SAW tidak tahu sama ada dia sendiri diselamatkan atau tidak.

*Q 48:1-2 Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas nyata, kemenangan yang dengan sebabnya Allah mengampunkan salah dan silapmu yang telah lalu dan yang terkemudian, dan menyempurnakan nikmatNya kepadamu, serta menambahkanmu hidayah ke jalan yang lurus (dalam mengembangkan Islam dan melaksanakan hukum-hukumnya). *Perkataan “mungkin” wujud dalam kebanyakan terjemahan inggeris termasuk Pickhall.*

Nabi Muhammad SAW bukan sahaja tidak yakin dengan penyelamatan diri sendiri, tetapi juga Nabi berasa takut mengenainya.

Sahih Bukhari, Jilid 2, Buku 23, Nombor 454:

*Dikisahkan oleh Masruq: ‘Aisha mengatakan bahawa seorang yahudi datang kepadanya lalu menyebut tentang siksaan dalam kubur, dan berkata kepadanya, “semoga Allah melindungi kamu dari siksa kubur.” Selepas itu, Aisha bertanya pada Nabi mengenai siksa kubur. Nabi berkata, “Ya, (terdapat) siksa kubur.” Aisha berkata, “Selepas itu, saya melihat Nabi **memohon perlindungan Allah dari siksa kubur dalam setiap doa.**”*

Sahih Bukhari, Jilid 2, Buku 23, Nombor 459:

Abu Hurairah berkata, “Nabi selalu berdoa: ‘Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari siksa kubur, siksa neraka, dari penderitaan hidup dan mati, dan dari penderitaan al-Masih Dajjal’.”

Semua umat Islam akan masuk ke neraka dahulu

Petikan dari al-Quran:

*Q 19:71 “Dan **tiada seorangpun di antara kamu melainkan akan sampai kepadanya;** (yang demikian) adalah satu perkara yang mesti (berlaku) yang telah ditetapkan oleh Tuhanmu.”*

**Dalam terjemahan Sarwar, ini diterjemah dengan begini: “... kamu semua akan memasuki neraka...”*

Q 19:72 “Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertaqwa, dan kami akan biarkan orang-orang yang zalim (dengan kekufurannya dan maksiatnya) tinggal berlutut di dalam neraka itu.”

Allah mentakdirkan orang-orang yang akan diselamatkan dan juga orang-orang yang tidak akan diselamatkan (yang akan dilaknat).

Hanya mereka yang ditakdirkan untuk penyelamatan (oleh Allah) sahaja yang akan diselamatkan:

*Q 10:100 “Dan **tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang untuk beriman melainkan dengan izin Allah** (melalui undang-undang dan peraturanNya); dan Allah menimpakan azab atas orang-orang yang tidak mahu memahami (perintah-perintahNya).”*

Q 76:29-30 “*Sesungguhnya (segala keterangan yang disebutkan) ini, menjadi peringatan; maka sesiapa yang mahukan (kebaikan dirinya) bolehlah ia mengambil jalan yang menyampaikan kepada keredaan Allah (dengan iman dan taat). Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya).*”

Yahudi dan Kristian adalah pengganti bagi muslim untuk pergi ke neraka

Sahih Muslim, Buku 037, Nombor 6665:

Abu Musa melaporkan bahawa Nabi bersabda: “Pada hari kiamat kelak, Allah Subhanahu wa Ta’ala akan menyerahkan seorang Yahudi ataupun seorang nasrani kepada setiap orang muslim. Kemudian Allah Subhanahu wa Ta’ala akan berkata: 'Inilah penebusmu dari siksa api neraka.'”

Dalam neraka, wanita adalah majoriti

Sahih Bukhari, jilid 4, Buku 54, Nombor 464:

Dari Imran bin Husain dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud : “Aku melihat ke dalam Syurga maka aku melihat kebanyakan penghuninya adalah fuqara’ (orang-orang fakir) dan aku melihat ke dalam Neraka maka aku menyaksikan kebanyakan penghuninya adalah wanita.”

KESIMPULANNYA

Penyelamatan kamu adalah harta yang paling penting dalam hidup kamu. Jangan berkompromi dan menyerahkannya untuk memperoleh apa-apa sahaja. Jagalah hatimu. Jangan bersikap jahil dan diperdaya oleh pembohongan dari mesej injil palsu yang berpengajaran bahawa penyelamatan boleh dicapai melalui usaha amalan baik sendiri. Penyelamatan itu didapatkan hanya melalui iman dalam Yesus Kristus (bukan Isa dalam Islam), Anak Allah dan penyelamat; bukan melalui pencapaian dan amalan baik seseorang manusia.

Ajaran yang bertentangan antara agama Islam dengan agama Kristian tidak membenarkan wujudnya keadaan di mana kedua-dua ajaran adalah sama-sama benar. Kalau ajaran Islam itu benar, maka ajaran Kristian itu salah. Kalau ajaran Kristian itu benar, maka ajaran Islam harus ditolak. Penerimaan cara penyelamatan dalam Islam, iaitu melalui amalan baik, bererti penolakan dan penafian penyelamatan melalui Yesus Kristus dan juga pengorbanan-Nya untuk menebus kita. Penafian (Pengkhiran) ini mendatangkan hukuman kekal.

Matius 16:26

Apalah gunanya jika seseorang memperoleh seluruh dunia tetapi kehilangan hidupnya? Apakah yang dapat diberinya sebagai ganti untuk hidup itu?

Kisah Para Rasul 4:12

Tiadalah penyelamatan melalui sesiapa yang lain, kerana tiada nama lain di bawah langit ini diberikan dalam kalangan manusia, yang dapat menyelamatkan kita.”